



Penafsiran Puisi Moden *"Surat Dari Semesta"* Karangan Sofia Roses: Penekanan Pada Makna, Bahasa, dan Ritma

Oleh: Syed Ahmad Fathi
fathi137@gmail.com

Pendahuluan

Puisi tulisan Sofia Roses yang bertajuk *Surat Dari Semesta* ini merupakan buku ketiga yang saya pilih untuk baca dari buku-buku yang dibeli dari Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2022.[1] Saya pun tidak tahu saya ini sesuaikah untuk membaca buku puisi. Tambahan pula puisi perihal cinta dan perasaan yang ditulis oleh perempuan. Kerana saya banyak membaca hal-hal yang berbentuk logikal, rasional, dan faktual, ini membuatkan deria minda saya terkadang begitu tumpul pada hal-hal jiwa dan perasaan. Membaca fakta-fakta sahaja membuatkan jiwa terasa kering, perasaan susah terkesan, dan puisi menjadi satu bacaan yang sering kali tidak menjadi pilihan.

Tetapi saya sebenarnya memaksa diri, untuk keluar dari bahan bacaan yang saya suka. Memetik buku dan makalah yang saya tidak kenali dan minati. Kerana saya kira melalui hal seperti ini sahaja pembacaan kita boleh berkembang. Jika tidak, kita akan tersepit, bacaan kita semakin lama semakin sempit. Hanya memilih apa yang hati kita rasa tidak sulit. Oleh sebab itu saya memilih buku ini, yang dijual di reruai jiran semasa PBAKL. Saya mahu membaca buku penulis baharu, yang saya tidak kenal dan tidak rancang untuk baca. Walaupun saya bukan seorang pembaca puisi yang tegar, namun saya suka menulis puisi. Saya pernah menerbitkan puisi bersama teman-teman dalam naskah yang bertajuk *Maka Kitab Itu Pun Menyanyi*.[2]

Semasa membaca buku ini saya sebenarnya sedang berundur ke taman perehatan, dan di sana saya bertemu dengan naskah puisi bertajuk *"Warna Suasana"* yang ditulis oleh Masuri S.N. terbitan tahun 1962 oleh Oxford University Press, Kuala Lumpur.[3] Masuri merupakan seorang sasterawan lelaki, jangan tersilap. Menurut Ismail Hussein, sumbangan puisi Masuri pada Malaya tidak kurang pentingnya seperti sumbangan Amir Hamzah dan Chairil Anwar kepada perkembangan puisi Indonesia. Namun bagi pembaca moden seperti saya, puisi Masuri agak sukar untuk saya hadamkan. Akal saya juga tidak dapat berhenti bertanya soalan retorik, jika Masuri membaca tulisan Sofia ini apa komentarnya? Apa yang akan diperkatakannya kepada sang pemuisi moden? Namun untuk soalan itu mungkin kita tidak akan mendapat jawabannya. Jadi terimalah komentar saya sahaja, seorang yang buta sastera.

Tema Puisi

Puisi-puisi Sofia menurut saya banyak berlegar dalam tema percintaan, kerinduan, kekecewaan dan juga motivasi agar bangkit kembali selepas kecewa. Walaupun pada mulanya saya mengagak bahawa ia mungkin merupakan puisi-puisi tipikal hijabista nan berchenta, tapi lama kelamaan, apabila semakin dalam saya membacanya, saya merasakan ada juga puisi-puisinya yang punya kekuatan. Tidak hanya meliuk-liuk dalam melankoli percintaan. Ada bait yang punya kekuatan bahasa dan ritma, ada juga yang punya makna yang tidak biasa. Bagi saya, puisi yang kuat adalah puisi yang dapat menyentuh jiwa kita yang paling dalam, dalam masa yang sama ia terbuka untuk tafsiran yang berbeza. Dalam kata lain, satu bait yang membawa kita faham akan satu makna, dalam masa yang sama kita merasakan bahawa ia boleh juga dimaknakan dengan makna yang berbeza. Ada unsur misteri tafsiran.

Penafsiran Bait Makna Puisi

Baik, seterusnya saya ingin memilih beberapa bait, yang saya suka, dan diterangkan apa yang saya rasa signifikannya. Sebuah puisi itu bagi saya ditulis untuk memaknai sesuatu perkara oleh penulis, tetapi apabila ia sudah menjadi milik pembaca, penafsirannya bukan lagi milik penulis. Terserah kepada pembaca untuk memaknainya berdasarkan perasaan dan pengalaman pembaca. Hal ini saya rasa benar, terutamanya pada puisi yang bersifat perasaan. Sekurang-kurangnya itulah mazhab pembacaan puisi bagi saya yang buta sastera ini.

Kamu adalah suatu kebahagiaan,
Yang akan sentiasa aku perjuangkan. (8)

Bait ini bagi saya secara bahasa dan ritmanya, tiadalah apa-apa yang sangat menakjubkan atau tinggi keseniannya. Namun dari segi permaknaan, jika ia dibaca dalam sesuatu momen hidup, pembaca mungkin dapat merasainya dengan dalam. Manusia adalah satu makhluk sosial yang unik. Sering kali kita mencari makna dan kebahagiaan pada orang lain. Makhluk lain mungkin berpuas hati apabila mereka dapat hidup selamat dan mendapat makanan yang cukup. Namun manusia sering sahaja mahukan perkara yang lebih dari itu, manusia mahu manusia lain melihatnya, menghormatinya, dan menyayanginya. Saya merasakan ini tidak salah. Malah mungkin ia adalah fitrah. Bahawa kita yang dihidupkan dengan singkat di dunia ini, merasa hidup dengan memperjuangkan kehidupan orang lain. Pada perjuangan itulah kita letakkan makna hidup.

Saya ingin memberikan satu contoh, saya pernah terbaca keluhan seorang feminis, tulisnya, *"buat apa perempuan berkahwin dengan lelaki jika itu hanya akan menyusahkan dirinya, dia kemudian perlu berkhidmat pada suaminya, baiklah dia hidup seorangan dengan bebas"*. Mungkin ia benar pada dirinya, tetapi tidak untuk orang lain. Kita melihat ibu-ibu yang bersusah payah mengorbankan hidupnya untuk membesarkan anak-anak. Tidak kurang juga bapa-bapa yang bekerja siang malam memberi anak-anak nafkah dan makanan. Mengapa mereka bersusah seperti itu? Bukankah lebih bahagia jika dia hidup berseorangan sahaja? Bebas. Tidak. Kerana manusia juga merasakan kebebasan kadang merupakan satu kekosongan. Manusia bercinta, apabila dia mencintai sesuatu perkara dia akan dengan relanya berkhidmat untuk cintanya itu. Khidmat itu adalah manifestasi cintanya. Lelaki juga seperti itu. Dia akan berkhidmat buat isterinya. Contohnya dia berkhidmat menjadi supir semasa balik raya sementara isteri dan anak-anaknya bahagia tidur di belakang. Kedua-duanya saling berkhidmat, saling bercinta.

Keindahan bintang hanya bisa dilihat dari
bawah langit dusun yang penuh kezuhudan. (16)

Sekali lagi saya merasakan bait ini biasa sahaja dari sudut pemilihan kata dan bahasa. Ritmanya juga kedengaran tidak ada unsur penghujung yang sama. Tetapi dari segi makna bagi saya ada kekuatan dan signifikannya. Bertapa hal-hal kecil dalam hidup dapat memberi makna yang besar. Saya melihat ini juga terjadi dalam dunia konsumerisma, yang membawakan idea bahawa kebahagiaan akan hadir apabila kita membeli banyak barang. Semakin banyak barang yang kita kumpul, kita semakin bahagia. Namun ini tentu

sahaja merupakan kebahagiaan palsu. Sebab itu lahir pula konsep minimalisma, bahawa sesuatu ruang dan aturan yang *simple* dan mudah itu lebih menawan, elegan, lebih aestatik, lebih membahagiakan. Malah gedung-gedung juga kini menjual produk dengan konsep ini. Seperti satu paradoks. Belilah barang untuk bahagia, tapi belilah barang yang mudah dan tidak menyemakkan ruang. Namun jika dibeli, barang itu akan tetap juga mengambil lebih ruang dan menyesakkannya.

Sering kebahagiaan itu muncul dalam sisi-sisi yang mudah dalam kehidupan. Melihat wajah anak tersenyum. Melihat ibu ketawa. Terasa sejuk apabila kaki menyentuh aliran sungai. Atau sekadar mendongak ke langit melihat awan bergerak perlahan. Benda-benda yang tidak mampu diletakkan harga oleh gedung-gedung jualan. Namun mendamaikan hati insan.

Aku tidak hanya memilih untuk menghargai langit
pada warna fajar dan senjanya sahaja.
Aku memilih untuk menghargai langit juga
pada hitam dan birunya. (53)

Bait ini mempunyai sedikit ritma. Jadi selain makna, ada juga keindahan bahasa. Saya kira ini merupakan tema Sofia Roses yang saya gemari. Iaitu tema alam. Sofia banyak berpuisi akan renungannya pada langit, yang baginya setia mendamaikan manusia dalam setiap warnanya. Dan beliau tidak memilih-milih warna, baginya setiap warna itu adalah hadiah yang berbeza namun membahagiakan sama sahaja. Saya kira langit ini adalah anugerah Tuhan yang Maha Besar. Ianya mudah sahaja mencairkan kegundahan di hati manusia. Dia hanya perlu berhenti dan mendongak ke atas. Awan-awan dengan segala bentuknya akan memberikannya keindahan. Umpama anak saya yang berumur 7 tahun. Dia sentiasa sahaja merenung langit, kemudian mula bercerita akan bentuk-bentuk awan, kadang dilihatnya seperti kura-kura, ayam, dan pelbagai lagi imaginasinya. Hal ini juga ada dirakam dalam sejarah manusia. Contohnya dalam memoir Annelis Frank, bagaimana sekian lama menyorok dari kekejaman manusia membuatkannya rindu. Rindu untuk sekadar keluar disimbahi langit dengan cahaya suria.[4]

Di saat mereka bilang cinta mereka sebanyak
bintang di langit malam. (59)

Bait ini sekali lagi membawakan tema alam. Kekuatan perasaan cinta dimetaforakan dengan banyaknya gugusan bintang dilangit ketika malam. Saya kira ini merupakan gaya penulisannya yang sering mengorbit pada keindahan langit. Mencari makna dari bintang-bintang ini bukanlah tema yang baharu untuk manusia. Ia malah melahirkan sesuatu yang dipanggil astrologi, juga kemudian lebih saintifik menjadi astronomi. Carl Sagan menulis bahawa manusia itu memang sejak asalnya merupakan *wanderer*, perantau yang sentiasa mahu mengembara dan memahami dunia, dan bintang pada awalnya membantu mereka menentukan arah, hingga wujud apa yang dipanggil sebagai *lodestar*, yang juga membawa makna sesuatu yang membantu dan menginspirasikan.[5] Saya begitu suka dengan puisi-puisi yang mengambil inspirasi dari alam, yang cuba menggubah makna dari awan, bintang dan langit. Untuk itu, pada puisi-puisi seperti ini, saya berikan Sofia markah lebih.

Seperti senja,
yang singgah cuma seketika
hanya untuk bertanya khabar dunia. (115)

Bait ini punyai ritma dan sekali lagi mempunyai unsur alam dalam temanya. Manakala dari sudut makna, ia membawa kepada makna kesementaraan hidup. Kesementaraan hidup ini bagi saya merupakan satu perkara yang besar dan sentral dalam hidup manusia. Ia boleh menjadi satu ketakutan kepada manusia bahawa hidup yang dia nikmati bakal berakhir. Tetapi dalam masa yang sama ia juga merupakan sumber tenaga kepada manusia untuk hidup. Dengan mengetahui bahawa hidupnya adalah sementara, maka dia harus merebut hidupnya, semakin lama dia berfikir akan hal ini semakin lama dia akan cuba berbuat sesuatu sementara masa masih memihak kepada dirinya. Kesementaraan hidup membuatkan manusia berusaha sehabis baik,

untuk hidup secemerlang yang boleh, mendaki cita-cita tertinggi, agar apabila ia tamat dia telah melakukan sesuatu yang bermakna. Dalam erti kata lain, kesementaraan hidup memberi makna pada hidup. Sekiranya manusia itu hidup selama-lamanya, maka, masakan dia perlu berusaha? Tidak berusaha pun dia dapat hidup selamanya.

Kamu harus menjadi
benih yang jatuh,
sebelum bertumbuh
menjadi pohon yang utuh. (156)

Bait ini merupakan rangkap akhir yang saya pilih dari naskah ini untuk dihuraikan sedikit komentari. Ia mempunyai kekuatan ritma dan bahasa, dalam masa yang sama mempunyai makna-makna motivasi. Saya ingin memulangkan makna ini kepada usaha Sofia sendiri. Bagi saya seorang anak muda yang berani menulis dan menerbitkan penulisannya adalah satu yang tidak biasa. Namun dia akan jadi semakin tidak biasa malah boleh menjadi luar biasa, jika dia mampu bertahan melalui proses kritikan. Karya yang dikeluarkan dan dibaca akan dikritik, ini boleh dimetaforakan sebagai "jatuh". Jatuh dalam kritikan. Tetapi jika dia sabar melalui proses ini, sedia mendengar, sedia memperbaiki, penulisannya akan semakin "bertumbuh" dan matang. Hinggalah lama kelamaan dia menjadi konsisten dalam kematangan dan menjadi penulis yang "utuh". Inilah yang saya harapkan pada penulis-penulis terutamanya penulis muda dan baharu. Beranilah berjalan dalam kritikan, jangan berhenti, malah jika perlu, harus dilawan kritikan itu, itulah proses untuk mematangkan pemikiran dan ketajaman pena.

Kritikan Teknikal Pada Naskah

Baiklah, saya kira sudah panjang lebar ulasan isi dari saya. Tidak lengkaplah ulasan sesuatu makalah tanpa ada sedikit kritikan. Umpama nasi yang tawar tanpa ada sedikit sambal. Sambal walaupun pedas dan panas tetap didambakan oleh lidah manusia terutamanya lidah melayu. Buku ini tiada ISBN! Ini bagi saya merupakan sesuatu yang malang. Saya tidak pasti sama ada memang tiada ISBN atau ia tidak sempat didaftarkan sebelum PBAKL. Bukanlah menjadi dosa menerbitkan buku tanpa *International Standard Book Number* (ISBN), tetapi bagi saya ianya perlu bagi menjaga khazanah penulisan tanah air. Apabila didaftarkan, rekodnya disimpan. Manusia sifatnya sementara dan singkat hidupnya, jadi adalah lebih terjaga jika karya itu dipelihara oleh institusi yang hayatnya lebih panjang dari manusia. Tetapi tidaklah bermakna institusi itu tidak bersifat sementara, cuma dari segi fitrahnya ia lebih lama berada di muka bumi. Apabila didaftar, direkod dan dikatalog, ia lebih mudah dirujuk oleh generasi akan datang. Harapnya segeralah ia didaftarkan dengan Perpustakaan Negara.

Kesimpulan

Sekian sahaja pembedahan buku sastera puisi dari saya, orang yang buta sastera. Saya sendiri tidak menyangka ulasan buku puisi dapat memenuhkan lebih dari tiga kertas bersaiz A4. Saya kira produktiviti ini bukanlah hasil dari kekuatan saya tetapi dari kekuatan puisi Sofia Roses sendiri. Moga-moga ulasan ini akan membantu memperkenalkan lagi puisi dalam menu bacaan masyarakat kita. Dan moga, dalam doa dan dalam usaha, kita dapat membaca lagi puisi-puisi generasi akan datang. Dalam simpulan puisi itu, terikat khazanah keilmuan dan pemikiran bangsa yang bermutu.

Senarai Rujukan

1. Sofia Roses. *Surat Dari Semesta*. Zahiras Creative, 2022.
2. Mel Van Dyk, Syed Ahmad Fathi, Tulip Ungu. *Maka Kitab Itu Pun Menyanyi*. Independent Insight, 2019.
3. Masuri S.N. *Warna Suasana*. Oxford University Press. Kuala Lumpur, 1962.
4. Anne Frank. *The Diary of a Young Girl*. Bantam, 1997.
5. Carl Sagan, Ann druyan. *Pale Blue Dot: A Vision of the Human Future in Space*. Ballantine Books, 1997.



Nota:

Bagi memudahkan rujukan, setiap bait puisi yang disentuh dan dihuraikan dalam penulisan ini disertakan dengan nombor mukasurat dalam kurungan dari naskah buku asal. Versi yang dirujuk adalah buku yang bertajuk *Surat Dari Semesta*. Karangan oleh Sofia Roses. Terbitan Zahiras Creative, 2022.